



## **PRIVACY AND PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE**

This Privacy and Personal Data Protection Notice ("**Notice**") sets out the basis upon which Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd. ("**we**", "**us**", or "**our**") may collect, use, disclose or otherwise process the personal data of our clients and/or prospective clients in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). By providing your personal data to us, you consent to the collection, use, disclosure and processing of your personal data in accordance with this Notice.

### **1. DEFINITIONS**

#### 1.1 As used in this Notice:

"**personal data**" means any information in respect of commercial transactions that relates directly or indirectly to a person, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in our possession, including any sensitive personal data; and

"**sensitive personal data**" means any personal data consisting of information as to the physical or mental health or condition of a person, their political opinions, their religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission by him of any offence, biometric data or any other personal data as may be determined pursuant to applicable laws.

#### 1.2 Other terms used in this Notice shall have the meanings given to them in the PDPA (where the context so permits).

### **2. TYPE OF PERSONAL DATA WE COLLECT**

Depending on the nature of your interaction with us, some examples of personal data which we may collect from you include name, identification numbers (such as NRIC, passport no., work permit and birth certificate), residential address, correspondence address, email address, telephone number, nationality, date of



birth, gender, marital status, bank account or payment details and sensitive personal data.

### **3. SOURCE OF PERSONAL DATA**

The personal data we collect may come directly from you or from your employer, (re)insurers, credit reference agencies, providers of risk and due diligence services and other third-party service providers, claimants, medical professionals, government bodies or from publicly accessible registers or databases.

### **4. WHY WE COLLECT YOUR PERSONAL DATA**

4.1 We may collect and use your personal data for the following purposes including but not limited to:

- a) Identifying and recommending suitable products that meet your insurance/takaful requirements;
- b) Facilitating and processing your application for underwriting and acceptance by insurers/takaful operators;
- c) Managing and handling all matters relating to the services and/or products you are entitled to under your insurance, including issuing correspondence, statements, invoices and reports which may involve the disclosure of personal data necessary for the delivery of services and/or products;
- d) Administering and managing claims relating to your and/or your enrolled dependents' insurance policies and compiling claims statistics/history;
- e) Attending to your requests and responding to your enquiries;
- f) Processing payment or credit transactions;
- g) Conducting necessary due diligence or screening activities (including background checks) as required by laws, regulations, risk management practices and internal compliance policies;
- h) Conducting market analysis and research;
- i) Sending you marketing and promotional materials relating to our services where you have consented to such use;
- j) Enforcement or protection of our rights and defence of claims against us; and



- k) Complying with applicable laws, regulations, codes of conduct or guidelines etc. issued by regulatory authorities/bodies.

4.2 The purposes listed in 4.1 above may continue to apply for a reasonable period after your relationship with us has been terminated or altered in any way (including, where applicable, for a period to enable us to enforce our rights under a contract with you).

## 5. **DISCLOSURE OF PERSONAL DATA TO THIRD PARTIES**

Personal data will be kept confidential but may be provided to the following third parties:

- a) (Re)insurers, (re)takaful operators, insurance-related intermediaries, actuaries, claims handlers, surveyors, loss adjustors/assessors, auditors, accountants, consultants and other third-party professional advisors and service providers where such disclosure is required for the purposes set out in 4.1 above;
- b) Our affiliates in the Lockton group, agents, contractors, professional advisors or third-party service providers (e.g. IT service providers) that provide services to us in connection with the operation of our business;
- c) Credit reference agencies and other providers of risk and due diligence services for purposes of carrying out customer due diligence and anti-money laundering screening to the extent necessary to comply with our legal and regulatory requirements;
- d) Regulatory, governmental and/or administrative authority with jurisdiction over us pursuant to applicable laws and regulations;
- e) Professional advisors, agents, contractors or other service providers for purposes of protecting and enforcing our rights and defence of any claims against us.

## 6. **OBLIGATION TO PROVIDE PERSONAL DATA**

The personal data provided by you is generally mandatory for the purposes set out in 4.1 above. If you do not provide the required information or consent to us



handling your personal data, we may not be able to provide you with our services, respond to your requests, or proceed with your instructions.

## **7. ACCURACY OF PERSONAL DATA**

We rely on the personal data provided by you (or your authorised representative). Kindly ensure that the information you provide to us is accurate, complete and up to date. Please notify us of any changes to your personal data in writing at the contact details provided below.

## **8. ACCESS TO AND CORRECTION OF PERSONAL DATA**

8.1 If you wish to access and/or correct the personal data which we hold about you, kindly contact us in writing at the contact details provided below. A fee may be applicable to process your request.

8.2 We endeavour to respond to your request to access and/or correct your personal data as soon as reasonably possible. If we are unable to provide you with access to your personal data or to make a correction requested by you, we will explain to you the reasons why we are unable to do so.

## **9. WITHDRAWAL OF CONSENT AND RIGHT TO LIMIT PROCESSING**

9.1 You may at any time withdraw your consent or request that we limit the processing of your personal data, including for direct marketing purposes, by notifying us in writing at the contact details provided below.

9.2 Upon receipt of your request, we will take reasonable steps to cease or limit the processing of your personal data in accordance with applicable laws and regulations.

9.3 Whilst we respect your decision to withdraw or limit your consent, please note that such withdrawal or limitation may affect our ability to continue providing our services to you. In such circumstances, we shall notify you before completing the processing of your request. Should you decide to cancel your request to withdraw

4

**Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.**

19<sup>th</sup> Floor, Menara JKG, No. 282 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Office: +603 2772 2000 Fax: +603 2772 2070



or limit your consent, please inform us in writing at the contact details provided below.

## **10. SAFEGUARDING YOUR PERSONAL DATA**

We take reasonable steps to implement appropriate technical and organisational security measures to safeguard your personal data against loss, misuse, unauthorised or accidental access, disclosure, alteration or destruction. However, no method of transmission over the internet or method of electronic storage is completely secure. While security cannot be guaranteed, we strive to protect the security of your information and are constantly reviewing and enhancing our information security measures.

## **11. RETENTION OF PERSONAL DATA**

We will retain your personal data only for as long as reasonably necessary to fulfil the purposes for which it was collected. In certain circumstances, we may retain your personal data for longer periods, where required, to comply with legal, regulatory, tax or accounting obligations. We may also retain your personal data for an extended period where necessary to maintain an accurate record of your dealings with us in the event of any complaints or disputes.

## **12. TRANSFERS OF PERSONAL DATA OUTSIDE OF MALAYSIA**

Your personal data may be transferred to, stored, used and processed in a jurisdiction outside Malaysia. By providing your personal data to us, you consent to such transfer. Where such transfer occurs, we will take reasonable steps to ensure that any such transfers are carried out in accordance with applicable data protection laws and that appropriate safeguards are in place to ensure a level of protection comparable to that provided under the PDPA.



### **13. CONTACT DETAILS**

You may contact our Data Protection Officer if you have any enquiries or feedback on our personal data protection policies and procedures, or if you wish to make any request, in the following manner:

Data Protection Officer  
Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.  
19<sup>th</sup> Floor, Menara JKG  
No. 282 Jalan Raja Laut  
50774 Kuala Lumpur  
Email: [MY.CQA@lockton.com](mailto:MY.CQA@lockton.com)

### **14. EFFECT OF NOTICE AND CHANGES TO NOTICE**

- 14.1 This Notice applies in conjunction with any other notices, contractual clauses and consent clauses that apply in relation to the collection, use and disclosure of your personal data by us.
- 14.2 We may revise this Notice from time to time without any prior notice. You may determine if any such revision has taken place by referring to the date on which this Notice was last updated. Your continued use of our services constitutes your acknowledgement and acceptance of such changes.

This Notice was last updated on **1<sup>st</sup> June 2026**.

**Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.**

19<sup>th</sup> Floor, Menara JKG, No. 282 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Office: +603 2772 2000 Fax: +603 2772 2070



## **NOTIS PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Notis Privasi dan Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") ini menetapkan asas di mana Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd. ("**kami**") boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau sebaliknya memproses data peribadi pelanggan dan/atau bakal pelanggan kami selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"). Dengan menyerahkan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemrosesan data peribadi anda selaras dengan Notis ini.

### **1. TAFSIRAN**

1.1. Seperti yang digunakan dalam Notis ini:

"**data peribadi**" bermaksud apa-apa maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan kami, termasuk apa-apa data peribadi sensitif; dan

"**data peribadi sensitif**" bermaksud apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, penglibatan atau dakwaan penglibatan mereka dalam apa-apa kesalahan, data biometrik atau apa-apa data peribadi lain yang mungkin ditentukan menurut undang-undang yang berkenaan.

1.2. Istilah lain yang digunakan dalam Notis ini mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam PDPA (jika konteks membenarkannya).

### **2. JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPUL**

Bergantung kepada interaksi anda dengan kami, beberapa contoh data peribadi yang mungkin dikumpul oleh kami daripada anda termasuk nama, nombor pengenalan (seperti NRIC, nombor pasport, permit kerja dan sijil kelahiran), alamat kediaman, alamat surat-menyurat, alamat e-mel, nombor telefon, kewarganegaraan,

7

**Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.**

19<sup>th</sup> Floor, Menara JKG, No. 282 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Office: +603 2772 2000 Fax: +603 2772 2070



tarikh lahir, jantina, status perkahwinan, butiran akaun bank atau pembayaran dan data peribadi sensitif.

### **3. SUMBER DATA PERIBADI**

Data peribadi yang kami kumpulkan mungkin diperoleh secara langsung daripada anda atau daripada majikan anda, penanggung insurans, penanggung insurans semula, agensi rujukan kredit, penyedia perkhidmatan risiko dan ketekunan wajar (due diligence) serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang lain, pihak yang menuntut, pengamal perubatan, badan kerajaan atau daripada daftar atau pangkalan data awam.

### **4. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

4.1. Kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Mengetahui pasti dan mencadangkan produk yang sesuai yang memenuhi keperluan insurans/takaful anda;
- b) Memudahkan dan memproses permohonan anda untuk penilaian dan penerimaan oleh penanggung insurans/operator takaful;
- c) Mengurus dan menangani semua perkara berkaitan perkhidmatan dan/atau produk yang anda layak terima di bawah insurans anda, termasuk mengeluarkan surat-menyurat, penyata, inoivis dan laporan yang mungkin melibatkan pendedahan data peribadi yang diperlukan untuk penyampaian perkhidmatan dan/atau produk;
- d) Mengurus dan mengendalikan tuntutan berkaitan polisi insurans anda dan/atau tanggungan anda yang didaftarkan serta menyusun statistik/sejarah tuntutan;
- e) Menjawab pertanyaan anda dan menangani permintaan anda;
- f) Memproses transaksi pembayaran atau kredit;
- g) Menjalankan proses pemeriksaan dan ketekunan wajar (due diligence) yang diperlukan (termasuk semakan latar belakang) seperti yang dikehendaki menurut undang-undang, peraturan, amalan pengurusan risiko dan dasar pematuhan dalaman;
- h) Menjalankan analisis pasaran dan penyelidikan;

- i) Menghantar bahan pemasaran dan promosi berkaitan perkhidmatan kami kepada anda di mana anda telah memberi persetujuan untuk kegunaan sedemikian;
- j) Penguatkuasaan atau perlindungan hak kami dan pembelaan terhadap tuntutan terhadap kami; dan
- k) Pematuhan undang-undang, peraturan, kod etika atau garis panduan yang berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa/badan pengawalseliaan.

4.2. Tujuan yang disenaraikan dalam 4.1 di atas boleh terpakai untuk tempoh yang munasabah selepas hubungan anda dengan kami ditamatkan atau diubah dalam apa jua cara (termasuk, jika berkenaan, untuk tempoh yang membolehkan kami menguatkuasakan hak kami di bawah kontrak dengan anda).

## 5. PENDEDAHAN DATA PERIBADI KEPADA PIHAK KETIGA

Data peribadi akan dirahsiakan tetapi boleh diberikan kepada pihak ketiga berikut:

- a) Penanggung insurans dan insurans semula, pengendali takaful dan retakaful, perantara insurans, aktuari, pengendali tuntutan, penyiasat, penilai (adjuster), juruaudit, akauntan, perunding dan penasihat profesional serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain di mana pendedahan sedemikian diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan dalam 4.1 di atas;
- b) Syarikat-syarikat bersekutuan kami dalam kumpulan Lockton, ejen, kontraktor, perunding profesional atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga (contohnya penyedia perkhidmatan IT) yang menyediakan perkhidmatan kepada kami berkaitan dengan operasi perniagaan kami;
- c) Agensi rujukan kredit dan penyedia perkhidmatan risiko dan ketekunan wajar (due diligence) lain untuk tujuan menjalankan ketekunan wajar pelanggan (customer due diligence) dan pemeriksaan penggubahan wang haram setakat yang perlu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan kami;
- d) pihak berkuasa pengawalseliaan, kerajaan dan/atau pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
- e) penasihat profesional, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan lain untuk tujuan melindungi dan menguatkuasakan hak kami serta pembelaan terhadap sebarang tuntutan terhadap kami.

## 6. KEWAJIBAN MEMBERIKAN DATA PERIBADI

Data peribadi yang anda berikan adalah, secara amnya, wajib untuk tujuan yang dinyatakan dalam 4.1 di atas. Jika anda tidak memberikan maklumat yang diperlukan atau kebenaran kepada kami untuk mengendalikan data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menyediakan perkhidmatan kami, menangani permintaan anda, atau melaksanakan arahan anda.

## 7. KETEPATAN DATA PERIBADI

Kami bergantung kepada data peribadi yang disediakan oleh anda (atau wakil anda yang diberi kuasa). Sila pastikan maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan terkini. Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada data peribadi anda secara bertulis kepada maklumat hubungan yang disediakan di bawah.

## 8. AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

- 8.1. Sekiranya anda ingin mengakses dan/atau mengemaskini data peribadi anda, sila hubungi kami secara bertulis di maklumat hubungan yang disediakan di bawah. Bayaran mungkin akan dikenakan untuk memproses permintaan anda.
- 8.2. Kami berusaha untuk menangani permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan data peribadi anda secepat mungkin. Jika kami tidak dapat memberikan anda akses kepada data peribadi anda atau membuat pembetulan yang diminta oleh anda, kami akan menerangkan sebab-sebab mengapa kami tidak dapat berbuat demikian.

## 9. PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN DAN HAK UNTUK MENGEHADKAN PEMROSESAN

- 9.1. Anda boleh pada bila-bila masa menarik balik persetujuan anda atau meminta kami mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, termasuk untuk tujuan pemasaran langsung, dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis di maklumat hubungan yang disediakan di bawah.

- 9.2. Setelah kami menerima permintaan anda, kami akan mengambil langkah yang wajar untuk menghentikan atau mengehadakan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- 9.3. Walaupun kami menghormati keputusan anda untuk menarik balik atau mengehadakan persetujuan anda, sila ambil perhatian bahawa penarikan balik atau pengehadaan sedemikian mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk terus menyediakan perkhidmatan kami kepada anda. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memaklumkan kepada anda sebelum menyelesaikan permintaan anda. Sekiranya anda memutuskan untuk membatalkan permintaan anda untuk menarik balik atau mengehadakan kebenaran anda, sila maklumkan kepada kami secara bertulis di maklumat hubungan yang disediakan di bawah.

## **10. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami mengambil langkah-langkah munasabah untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang sesuai bagi melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, akses tanpa kebenaran atau tidak disengajakan, pendedahan, pengubahan atau pemusnahan. Walau bagaimanapun, tiada kaedah penghantaran melalui internet atau kaedah penyimpanan elektronik yang sepenuhnya selamat. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin, kami berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat anda dan sentiasa menyemak serta meningkatkan langkah keselamatan maklumat kami.

## **11. PENGEKALAN DATA PERIBADI**

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpul. Dalam keadaan tertentu, kami boleh menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang lebih panjang, apabila diperlukan, untuk mematuhi kewajipan undang-undang, peraturan, percukaian atau perakaunan. Kami juga mungkin menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang lebih panjang apabila diperlukan bagi mengekalkan rekod yang tepat tentang urusan anda dengan kami sekiranya terdapat sebarang aduan atau pertikaian.

## 12. PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR NEGARA

Data peribadi anda boleh dipindahkan ke, disimpan, digunakan dan diproses di bidang kuasa di luar Malaysia. Dengan menyediakan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pemindahan tersebut. Sekiranya pemindahan sedemikian berlaku, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa sebarang pemindahan tersebut dilaksanakan selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan bahawa langkah-langkah keselamatan yang sesuai dilaksanakan untuk memastikan tahap perlindungan yang setara dengan yang disediakan di bawah PDPA.

## 13. MAKLUMAT HUBUNGAN

Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai dasar dan prosedur perlindungan data peribadi kami, atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan. Sila hubungi:

Pegawai Perlindungan Data  
Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.  
Tingkat 19, Menara JKG  
No. 282 Jalan Raja Laut  
50774 Kuala Lumpur  
Emel: [MY.CQA@lockton.com](mailto:MY.CQA@lockton.com)

## 14. KESAN NOTIS DAN PERUBAHAN NOTIS

14.1. Notis ini terpakai bersama-sama dengan sebarang notis lain, klausa kontrak dan klausa persetujuan yang terpakai berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda oleh kami.

14.2. Kami boleh menyemak semula Notis ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terdahulu. Anda boleh menentukan sama ada sebarang semakan sedemikian telah dibuat dengan merujuk kepada tarikh Notis ini dikemas kini buat kali terakhir.



Penggunaan perkhidmatan kami secara berterusan oleh anda merupakan pengesahan dan penerimaan anda terhadap semakan tersebut.

Notis ini dikemas kini buat kali terakhir pada **1 Jun 2026**.

**Lockton Sime Insurance Brokers Sdn. Bhd.**

19<sup>th</sup> Floor, Menara JKG, No. 282 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Office: +603 2772 2000 Fax: +603 2772 2070

Privacy and Personal Data Protection Notice – 1 June 2026